

SUMBANGAN DAN CABARAN

*Ahli Sunnah
Rajama'ah*
di Alam Melayu

Penyunting:

Muhammad Yusuf Khalid

Syamsul Bahri Andi Galigo

Mohd Muslihuddin Syah Haji Mustafa

CETAKAN PERTAMA 2016
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia &
Pusat Penerbitan KUPU SB

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM dan Pusat Penerbitan KUPU SB terlebih dahulu.

Diterbitkan dengan kerjasama oleh:

PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
Tel: +06-798 8226/6081
Faks: +06-798 6083
www.penerbit.usim.edu.my
info.penerbitan@usim.edu.my

PUSAT PENERBITAN
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Bandar Seri Begawan BA 2111
Negara Brunei Darussalam
Tel: (673) 2236277
Faks: (673) 2225226
www.kupu-sb.edu.bn

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)**

Dicetak di Brunei oleh:

Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.
Spg. 636, No. 5, 6, 7, Block B, Ong Keh Beng Building
Mile 5, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan BF1320
Negara Brunei Darussalam.
Tel: (673) 2651387 Faks: (673) 2654342
bptlmail@gmail.com

Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei
Cataloguing-In-Publication

SUMBANGAN dan cabaran ahli sunnah waljamaah di alam melayu /
Penyunting, Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd.
Muslihuddin Shah bin Haji Mustafa. – Bandar Seri Begawan : Pusat Penerbitan Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2016.

p. cm

ISBN 978-99917-61-57-2 (Kulit Lembut)

1. Ahli sunah wal jama'ah 2. Islam and state -- Brunei 3. Sunnites

4. Islamic sects

5. Islam – Doctrines I, Muhammad Yusuf Khalid II. Syamsul Bahri Andi Galigo
III. Mohd. Muslihuddin Shah Haji Mustafa

297.81 SUM (DDC 23)

CABARAN SEMASA AHLI SUNNAH WALJAMA'AH DI ALAM MELAYU

A. Penyebaran Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu

Alam Melayu sering diistilahkan dengan nama Nusantara, yaitu kepulauan yang terletak antara benua Asia dan benua Australia termasuk Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia Singapura, dan Thailand. Adapun Filipina oleh sebahagian sejarahwan tidak memasukkannya dalam wilayah Nusantara. Namun negara tersebut dengan adanya kepulauan Mindanau yang dihuni oleh masyarakat Muslim maka dalam istilah Alam Melayu menurut penulis wajar untuk dimasukkan sebagai salah satu wilayah Nusantara jika ditinjau dari segi sosio budaya dan keagamaan.

Penyebaran Islam di Alam Melayu sangat unik kerana berbeza dengan cara penyebaran Islam di Timur Tengah, Eropah dan Persia. Islam ketika mulai tersebar di wilayah kekuasaan Persia di Timur dan di wilayah kekuasaan Romawi di Barat, ia menghadapi cabaran yang sangat hebat dari para penguasa di wilayah tersebut sehingga menimbulkan peperangan. Oleh sebahagian sarjana Barat menganggap peperangan yang timbul akibat penolakan terhadap Islam tersebut merupakan metod penyebaran Islam dengan kekerasan. Pandangan tersebut berbeda dengan pandangan sejarahwan Muslim yang menganggap penyebaran Islam tersebut sebagai *futuhat* atau pembebasan umat manusia dari kezaliman akidah dan penindasan kemanusiaan.

Islam tidak mengenal penyebaran akidah dan kefahaman dengan kekerasan kerana dalam ajaran Islam tugas daripada da'iee adalah penyampai dan pemberi peringatan. Islam ketika diperkenalkan di wilayah kekuasaan Persia dan Romawi, para penguasa yang zalim di wilayah tersebut merasa terganggu kekuasannya dengan ajaran Islam yang merangkumi nilai-nilai akhlak yang luhur. Oleh kerana itu para penguasa tersebut berupaya sedapat mungkin menghalangi penyebaran Islam di wilayah-wilayah kekuasaan mereka, inilah sebenarnya yang menimbulkan konflik dan peperangan.

Islam ketika datang ke Alam Melayu ia diterima sangat baik oleh penduduk tempatan. Hal itu kerana kearifan para ulama Islam yang datang berdakwah sambil

berdagang ke wilayah-wilayah pesisir pantai Nusantara kemudian tersebar luas ke seluruh pelosok wilayah Nusantara. Perilaku para da'ie tersebut sangat menghormati tradisi, adat istiadat, budaya lokal, bahkan agama tempatan. Para da'ie Islam mencuba menselaraskan agama Islam dengan kepercayaan dan agama tempatan sehingga mereka dapat diterima dengan baik. Atas dasar itu pula penduduk tempatan dengan sukarela merubah keyakinan mereka dari Animisme, Dinamisme, Hindu dan Budha kepada agama Islam yang mengajarkan akhlak-akhlak yang mulia.

Dengan cara pendekatan nilai-nilai keislaman yang jujur, damai, sejahtera dan bersahabat serta menghargai budaya tempatan menyebabkan penduduk tempatan tidak merasa terganggu dengan datangnya agama Islam. Mereka justru menerima agama Islam dengan tangan terbuka. Apalagi agama Islam membawa ajaran yang sangat manusiawi berbanding dengan agama sebelumnya. Islam mengajarkan saling menghormati, bertolak ansur serta tolong-menolong dalam kebaikan dan kebajikan.

Ugama Islam menurut pandangan penduduk tempatan adalah agama yang membebaskan mereka dari tatanan kemasyarakatan Hindu yang begitu ketat, kerana itu mereka turut membantu penyebarannya.¹ Yang tidak kalah pentingnya adalah para da'ie Islam tersebut mampu memperlihatkan Islam dalam bentuk peraktik yang baik, misalnya dengan cara berdagang yang jujur, sopan, ramah dan menolong orang yang sangat memerlukan bantuan.

Praktik beragama Islam yang baik serta bertolak ansur dengan tradisi lokal tersebut berkembang luas di Alam Melayu. Kefahaman tersebut dikenal dengan nama *Ahli Sunnah waljama'ah*. Kefahaman tersebut dikembangkan oleh para wali atau ulama yang bermazhab Syafi'e dan beraliran Asy'ari atau Maturidi. Kejayaan ulama dan para da'ie dalam menyebarkan Islam yang berhaluan Ahli sunnah Waljama'ah dapat dilihat dengan berdirinya kerajaan-kerajaan Islam dengan corak Ahli Sunnah waljama'ah di seluruh Nusantara. Islam dengan kefahaman Ahli Sunnah waljama'ah tersebut dikembangkan oleh ulama-ulama yang berasal dari Yaman dan negara-negara Arab lainnya. Ini tidak mengherankan kerana Abu Hasan al-Asy'ari sebagai pengasas kefahaman Asy'ariyah adalah tokoh yang berzhah Syafi'ie. Begitu pula tokoh-tokoh Asya'irah yang lain adalah majoriti menganut mazhab Syafi'ie.

Perkembangan Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu selama berabad-abad lamanya pada mulanya masih dalam bentuk ajaran-ajaran yang sifatnya tidak dilembagakan dalam sebuah wadah organisasi. Keterpeliharaan kefahaman tersebut dilakukan dengan mengadakan pengajian-pengajian di madrasah-madrasah mahupun pesantren-pesantren yang didirikan oleh para da'ie tersebut. Kemudian muncullah organisasi-organisasi kemasyarakatan serta kerajaan-kerajaan Islam yang menjadikan dasar keberugamaan mereka mengikut faham Ahli Sunnah Waljama'ah.

Organisasi-organisasi keislaman yang tersebar luas di rantau Melayu berusaha menjaga kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dengan mendirikan sekolah, madrasah mahupun pesantren-pesantren dengan menjadikan buku-buku mazhab Syafi'e dan karangan-karangan ulama Asya'irah sebagai buku pelajaran utama. Seperti *Um' al-Barahin*, *Husun al-Hamidiyyah*, *Irsyad al-'Ibad*, *Tanwier al-Qulub*, *kifayah al-Akhyar*, *Riyadh al-Shalihin*, *Bulug al-Maram*, *Tafsir al-Jalalain*, *Ihya 'Ulum al-Din* dan masih banyak lagi buku-buku yang lain. Pengajian di pesantren biasanya dilakukan dengan membagi tiga kategori sahaja iatu: *al-Marhalah al-ula*, *al-marhalah al-Wusthaa* serta *al-marhalah al-'Ulyaa* atau peringkat dasar, menengah dan tinggi.

Islamisasi budaya serta pelestariannya terjaga dengan baik sepanjang zaman sampai muncul kemudian beberapa kefahaman baru yang berusaha membid'ahkan tradisi-tradisi masyarakat yang telah diislamisasikan oleh para ulama terdahulu serta para da'ie yang memiliki peranan yang sangat besar dalam penyebaran Islam di Alam Melayu atau Nusantara.

B. Cabaran Semasa Ahli Sunnah Waljama'ah

Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu mengalami berbagai bentuk cabaran, baik yang berupa pemikiran, tingkah laku, mahupun konspirasi dari luar yang berusaha merusak kefahaman tersebut sedikit demi sedikit. Cabaran-cabaran tersebut secara garis besarnya meliputi cabaran dari dalam mahupun cabaran dari luar. Kedua bentuk cabaran tersebut sangat berbahaya bagi perkembangan dan kelangsungan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah yang telah berhasil mewujudkan suatu tamadun Islam di rantau Melayu serta mampu mempersatupadukan umat Islam yang berbilang kaum, budaya, tradisi mahupun kepentingan. Di antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Ahli Sunnah Waljama'ah adalah sebagai berikut:

1. Lemahnya Pentadbiran Organisasi Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah

Ahli Sunnah Waljama'ah meskipun telah bertapak di Alam Melayu sejak lama, namun masih sahaja memiliki kelemahan-kelemahan dalam menjaga dan memelihara kefahaman tersebut. Bahkan sepintas dilihat, Ahli Sunnah Waljama'ah justru menjadi objek perebutan aliran-aliran dan kefahaman dari luar yang bercanggah dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah. Akibatnya ulama-ulama Ahli Sunnah Waljama'ah disibukkan dengan menangani dan menjawab isu-isu yang dilontarkan oleh aliran-aliran dan kefahaman yang sentiasa berusaha merusak kefahaman Ahli sunnah Waljama'ah. Malangnya, sebahagian pengikut kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah sangat cepat berubah keyakinan manakala mendengarkan kefahaman-kefahaman baru yang mengatasnamakan Islam, apalagi jika kefahaman tersebut mengatasnamakan kefahaman yang merujuk langsung kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Ada beberapa kelemahan yang dimiliki oleh penganut kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu yang perlu difikirkan bersama penyelesaiannya. Salah satu di antaranya adalah Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah belum dicantumkan sebagai faham dalam perlembagaan negara kecuali di negara Brunei Darussalam. Oleh kerana itu kefahaman-kefahaman lain merasa memiliki persamaan dalam menyebarkan kefahamannya meskipun kefahaman tersebut dapat mengganggu keharmonisan umat Islam.

Adapun Wahabi² dan Syi'ah, keduanya merupakan suatu mazhab negara yang penyebarannya juga di danai oleh negara. Bukan sahaja dalam negara mereka tetapi penyebarannya ke seluruh dunia Islam sebagai usaha untuk menanamkan pengaruh dan kepentingan negara tersebut. Akibatnya wilayah-wilayah dan negara yang majoriti mengamalkan faham Ahli Sunnah Waljama'ah menjadi perebutan pengaruh yang pada akhirnya menjadi permasalahan yang cukup serius di beberapa negara.³

Kelemahan lain bagi penganut kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah adalah belum adanya koordinasi yang berkesinambungan antara satu organisasi dengan organisasi yang lain sehingga permasalahan dan cabaran yang dihadapi masing-masing ditangani secara terpisah, padahal jika organisasi-organisasi yang berhaluan Ahli Sunnah Waljama'ah dapat mewujudkan sebuah konfrensi serantau dengan

membuat jaringan komunikasi intensif, maka isu-isu dan cabaran serantau dapat ditangani dengan mudah.

Organisasi-organisasi yang menganut kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah juga kurang memanfaatkan Teknologi komunikasi dalam mengukuhkan dan menyebarkan faham Ahli Sunnah Waljama'ah. Berbeza dengan Wahabi dan Syi'ah yang berhasil memiliki saham pada beberapa chanel televisi mahupun media cetak. Bahkan beberapa radio swasta telah didanai oleh mereka dalam rangka menyebarkan fahaman-fahaman salafiah mahupun syi'ah.

Begitu pula para aktivis salafiah wahabiyah dan syi'ah memanfaatkan laman-laman sesawang dalam menyebarkan kefahaman mereka. Akibatnya, umat Islam yang berkefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah menkonsumsi informasi keagamaan Salafiah dan Syi'ah dengan mudah sementara untuk merujuk kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah tidak semudah mencari pemahaman Salafi dan Syi'ah. Oleh karena itu generasi muda Ahli Sunnah Waljama'ah banyak terpengaruh dengan pemikiran mereka apalagi majoriti belia Ahli Sunnah Waljama'ah belum memiliki latar belakang ilmu agama yang memadai.

Cabaran lain yang dihadapi Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu adalah belum adanya lembaga-lembaga sosial yang memfokuskan kegiataannya dalam mengumpulkan dana untuk pengukuhan dan penyebaran kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah. Berbeza dengan Syi'ah dan Wahabi mereka telah berhasil memiliki donatur-donatur yang menyumbangkan sebahagian besar harta mereka ke yayasan-yayasan sosial (jam'iyah) untuk kemudian dimanfaatkan dalam membangun madrasah dan pusat penyebaran kefahaman.

Langkah kerajaan Brunei Darussalam perlu menjadi contoh teladan, bahkan Rakyat Brunei Darussalam patut berbangga kerana merupakan negara pertama yang mengasaskan satu pusat kajian dan pengembangan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah yang diberi nama "*Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah*" yang disingkat menjadi PPKASWJ yang berkedudukan di Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Di samping itu juga terdapat Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'e yang bertempat di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

2. Wahabiyyah

Wahabiyyah adalah salah satu faham keagamaan yang diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab (w. 1206 H). Oleh kerana itu para pengikut kefahaman Muhammad bin Abdul Wahhab dikenal dengan nama Wahabiyyah.

Wahabiyyah pertama kali tersebar di Nejed dan semenanjung Jazirah Arab atau yang dikenal dengan nama Hijaz. Pemahaman ini kemudian menjadi dasar ideologi kerajaan Arab Saudi Pada tahun 1158 H.⁴ Setelah Muhammad bin Sa'ud selaku raja Dar'iyah⁵ melakukan perjanjian politik dengan Muhammad bin Abdul Wahhab untuk saling membantu. Perjanjian politik itu sampai sekarang masih dipegang teguh oleh kedua belah pihak. Garis keturunan Muhammad bin Sa'ud mewarisi pemerintahan dan politik sementara garis keturunan Muhammad bin Abdul Wahhab memegang kendali agama Islam.

Pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, Arab Saudi telah memulai suatu kempen secara sistematik untuk menyebarkan pemikiran Wahabi di kalangan umat Islam yang berada di negara-negara Muslim mahupun non muslim. Buku-buku yang berisi pemahaman Wahabi disebarluaskan terutama sekali kepada jamaah haji dan umrah yang datang setiap saat. Bahkan buku-buku turath di cetak ulang kemudian disertakan dengan syarahan mengikut kefahaman Wahabi.

Lebih penting lagi, Arab Saudi yang kaya dengan minyak dan gas menciptakan sejumlah sistem bantuan finansial yang bertaraf antarabangsa baik yang berkedudukan di Arab Saudi mahupun di negara muslim lainnya. Penyebaran faham Wahabi tersebut dilakukan dengan cara memberi bantuan yang berlimpah bagi mereka yang mendokong gerakan Wahabi atau mereka yang benar-benar menahan diri untuk tidak mengkritisi fahaman Wahabi. Akhirnya dunia Islam selama kurang lebih dua abad lamanya benar-benar berada dalam kempen wahabi. Sistem bantuan finansial yang mereka asaskan juga dipakai guna untuk mengontrol apa yang dicetak oleh para penerbit di negara-negara Islam atau siapa yang dijemput untuk mengikuti perkumpulan dan konferensi-konferensi antarabangsa.⁶

Kesan dari penyebaran faham Wahabi dapat dilihat pada madrasah-madrasah dan pesanteren yang tidak lagi mempelajari sifat dua puluh sebagai asas pembelajaran akidah Islam, malahan diganti dengan *Tauhid Rububiyyah*, *Tauhid Uluhiyyah* dan

Tauhid Asma wa al-Sifat sebagai bentuk pembelajaran akidah Wahabi. Bahkan banyak guru-guru agama yang mengajarkan tauhid di madrasah-madrasah tanpa menyadari kalau sebenarnya apa yang mereka ajarkan adalah kefahaman Wahabiah. Akibatnya mereka turut menyebarkan faham Wahabi tersebut meskipun mereka mengaku sebagai Ahli Sunnah Waljama'ah Asy'ariyah.

Pada perkembangan berikutnya Wahabi di Alam Melayu merubah nama mereka menjadi *Salafiah*. Ini dilakukan untuk menarik simpati dari umat Islam yang berkefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah agar dapat menerima kefahaman mereka yang distilahkan dengan faham salafi atau Ahli Sunnah Waljama'ah yang sebenarnya. Perubahan nama tersebut dilakukan dengan harapan agar umat Islam mengira apa yang diperjuangkan pengikut-pengikut Muhammad bin Abdul Wahhab bukan hanya sekadar berasal dari Muhammad bin Abdul Wahhab tetapi justru berasal dari para sahabat Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang bergelar Salaf al-Shaleh.

Di penghujung abad ke dua puluh dan awal-abad ke dua puluh satu para ulama Ahli Sunnah Waljama'ah mulai bangkit untuk menjelaskan fahaman *salafiah*. Iaitu fahaman yang cenderung membid'ahkan kelompok lain yang tidak sejalan dengan konsep beragama mereka. Sayed Ramadan al-Būthi misalnya yang sangat terganggu dengan membid'ahan salafiah justru berbalik membid'ahkan *jamā'ah salafiah*. Menurutnya jika salafiah membid'ahkan semua perkara baru yang tidak pernah berlaku di masa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* maka jama'ah salafiah yang mereka kukuhkan juga tidak berlaku di masa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Bahkan Rasulullah tidak pernah memerintahkan umatnya untuk membuat suatu kelompok eksklusif yang gemar membid'ahkan kelompok muslim yang lain.⁷

Apa yang dilakukan oleh Ramadan al-Būthi juga dilakukan oleh ulama-ulama lain di seluruh dunia. Bahkan sebelumnya, Muhammad al-Ghazali (w. 1996M) pada tahun 1989 M, melakukan kritikan yang cukup tajam kepada Wahabiyyah. Beliau mengkritisi salafiah modern kerana dianggap *literalis* dan menentang setiap orientasi rasional di dalam Islam.⁸ Untuk memperhalus kritikan terhadap Wahabi, Muhammad al-Ghazali menamakan Wahabi dengan sebutan *Ahlul Hadith*, yang bererti kelompok yang literalis dalam memahami hadith-hadith Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*.

Pemikiran Wahabi semakin berkembang di Alam Melayu selari dengan semakin banyaknya graduan-graduan Universiti Islam Madinah, Ummul Qura Makkah dan Universiti Ibnu Saud Riyadh. Para sarjana dari lulusan universiti tersebut di dokong oleh kewangan yang cukup besar sehingga gerakan salafiah di Alam Melayu sangat kuat terbukti dengan berdirinya sebuah organisasi keagamaan yang berpusat di Sulawesi Selatan Indonesia yang disebut dengan *Wahdah Islamiah*.⁹

Jama'ah Salafiah di Alam Melayu terkesan eksklusif, mereka memiliki ciri yang khas dan kelompok yang terbatas. Strategi penyebaran faham Wahabiyyah di Alam Melayu adalah dengan menentukan objek yang memiliki faham keagamaan yang rendah. Oleh kerana itu mereka menyebarkan faham keagamaannya pada pelajar, mahasiswa dan masyarakat yang kurang faham tentang ugama Islam.

Di Universiti, pemahaman ini cukup berkembang terutama di fakulti-fakulti dan jabatan-jabatan yang bukan ugama kerana mereka didoktrin tanpa ada latar belakang pemahaman keagamaan, sehingga menghasilkan pribadi muslim yang kaku dan hanya meyakini kebenaran *Salafiah* sebagai satu-satunya ajaran Islam yang benar.

Gerakan Salafiah di Alam Melayu justru menamakan dirinya sebagai Ahli Sunnah Waljama'ah yang sebenarnya. Bahkan mereka menganggap Abu Hasan al-Asy'ari bukan Ahli Sunnah Waljama'ah. Pemahaman tersebut disebarkan di internet dan buku-buku yang diterbitkan baik dalam negara di tempat asal mereka Saudi Arabia maupun di negara-negara tujuan dengan bantuan kewangan dari mereka.

Ada beberapa langkah yang dilakukan oleh aktifis Salafiah (Wahabiyyah) dalam menyebarkan faham Wahabi di Alam Melayu di antaranya:

a. G to G (Govenrman to Government)

laitu sebuah strategi yang dilakukan aktivis Wahabi dengan cara menjalin hubungan dua hala antara dua negara, negara asal mereka dengan negara tempatan, terutama di bidang pendidikan. Hasil dari kerjasama dua hala tersebut mewujudkan berdirinya sebuah pengajian tinggi di Indonesia dan akan disusul di negara serantau. Di Indonesia perguruan tinggi hasil kerjasama dua hala tersebut diberi nama dengan LIPIA (Lembaga Internatioanal Pendidikan Islam dan Bahasa Arab).

Pengajian tinggi tersebut memakai Kurikulum dan silabus yang sama dengan Universiti-universiti yang ada di negara asal mereka. Pendanaan pengajian tinggi tersebut 100% dari negara asal mereka. Pengajian tinggi tersebut memiliki ribuan mahasiswa dari berbagai pelosok rantau Melayu. Mereka mendapatkan beasiswa dari salah satu negara donatur kefahaman Wahabiah. Strategi ini sangat menguntungkan mereka karena jauh lebih murah dibanding jika kerajaan mereka memberikan beasiswa kepada pelajar Nusantara untuk belajar di negara mereka.

Pensyarah-pensyarah di pengajian tinggi tersebut sengaja didatangkan dari berbagai negara Timur Tengah yang menganut faham Wahhabi. Graduan-graduan dari pengajian tinggi tersebut bersinergi dengan graduan Universiti-universiti yang ada di negara mereka.

b. NGO (Non Government Organisation)

Iaitu sebuah strategi yang dilakukan gerakan Wahabiyyah melalui organisasi-organisasi bukan kerajaan dengan melalui pendanaan kepada kegiatan-kegiatan penyebaran Wahabi. Antara Organisasi-organisasi yang dibentuk adalah:

1) Asian Muslim Charity Foundation (AMCF)

Organisasi pendanaan ini mendirikan beberapa *Ma'had* diseluruh Nusantara, organisasi non Government ini semuanya bernaung di bawah organisasi kemasyarakatan yang ada di Nusantara yang sampai setakat ini di Indonesia ada dua, iaitu Muhammadiyah dan Persis. Lembaga AMCF tersebut masih erat kaitannya dengan LIPIA kerana melakukan kerja sama tenaga pendidik dan kurikulum.

2) LDT (Lembaga Dakwah dan Ta'lim).

Lembaga ini sudah memiliki beberapa perguruan tinggi di Alam Melayu di antaranya adalah Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Darul Fatah Lampung.

c. Melalui pendekatan Individu

Iaitu sebuah strategi yang dilakukan oleh Wahabiyyah dengan cara pendekatan pribadi kepada orang-orang tertentu yang berpengaruh serta dapat mengembangkan misi Wahabiyyah tersebut. Oleh kerana itu gerakan wahabiah

tidak saja menjadikan generasi muda sebagai sasaran penyebaran pengaruhnya tetapi mereka berusaha masuk di kalangan eksekutif seperti menteri-mentri, pengarah-pengarah, rektor-rector dan timbalannya serta tokoh-tokoh adat, imam-imam masjid dan guru-guru mengaji.

Di samping itu mereka juga berusaha melakukan pendekatan di kalangan legislatif agar supaya memiliki pengaruh dalam undang-undang dan perlembagaan. Salah satu di antara keberhasilannya melakukan pendekatan pada tokoh-tokoh yang berpengaruh adalah berdirinya sebuah ma'had Ali Annuaimy di Kebayoran Lama Jakarta.

d. Melalui penyebaran alumni LIPIA mahupun Ma'had

Penyebaran Alumni LIPIA mahupun Ma'had keseluruh pelosok Nusantara dilakukan dengan cara-cara sebagai berikut:

- 1) Berusaha untuk masuk dan bergabung dalam pentadbiran madrasah-madrasah dan Pesantren yang dianggap lemah pentadbirannya sehingga pada akhirnya pesantren tersebut dikelola berdasarkan kurikulum yang sejalan dengan ruh Wahabiyyah. Bagi Wahabiyyah memanfaatkan dengan baik pesantren yang lemah pentadbirannya jauh lebih baik daripada harus menyediakan tanah dan bangunan untuk membangun sebuah pesantren yang baru.
- 2) *Menjadi aktifis pada Masjid dan Mushallah yang tidak dikelola dengan baik.*¹⁰ Sama seperti pengelolaan pondok pesantren yang terbengkalai. Strategi menguasai masjid atau mushallah yang tidak terkelola dengan baik jauh lebih baik daripada mendirikan masjid dan mushallah yang baru. Membangun masjid dan mushallah yang baru menurut mereka memerlukan cukup banyak dana, sementara mengelola masjid dan mushallah yang terbengkalai tidak memerlukan uang untuk pembangunan.
- 3) Menjadi Rohis (Rohani Islam) pada sekolah umum (sekolah rendah, dan menengah) sebab mereka adalah generasi muda yang belum memahami Ugamma Islam dengan baik sehingga memberikan pengkaderan pada usia

tersebut memberikan kesan yang begitu mendalam pada diri kanak-kanak (contoh shalat tidak perlu niat).

- 4) Aktiv pada Lembaga dakwah kampus, sebab lembaga inilah yang biasanya mengkader para mahasiswa baru sebagai aktiviti tambahan. Mahasiswa yang baru datang dari daerah dan belum mengenal agama Islam dengan baik dijadikan sebagai objek dakwah. Mahasiswa-mahasiswa baru tersebut meyakini setiap yang disampaikan oleh pengkadernya sebagai suatu kebenaran yang tak terbantahkan.

e. Partai politik

Untuk memberikan pengaruh yang lebih kuat di rantau Melayu, Wahabiyyah melakukan aktiviti politik baik mendirikan partai politik mahupun turut bergabung dalam beberapa partai politik. Di Indonesia misalnya aktivis-aktivis Wahabiyyah banyak bergabung di Partai Keadilan Sosial (PKS). Di Malaysia sendiri Wahabiyyah berusaha masuk dalam partai-partai tertentu. Tujuan mereka adalah agar pemahaman Wahabiyyah masuk kepada masyarakat Alam Melayu bukan sahaja pada kalangan eksekutif tetapi juga pada tataran legislative. Pendekatan semacam ini sangat efektif untuk mempermudah gerakan mereka kerana dilindungi oleh undang-undang.

3. Pluralisme Agama

Cabaran semasa yang dihadapi oleh Ahli Sunah Waljama'ah di Alam Melayu adalah Faham pluralisme agama. Faham ini membagi agama-agama besar¹¹ dunia kepada dua bagian iaitu Exoteric (luar/zahir) dan Esoteric (dalam/batin). Agama-agama ini menurut mereka hanya berbeza dari struktur luar dan zahirnya sahaja, sedangkan struktur dalaman dan batinnya adalah sama, iaitu menuju pada Tuhan yang satu. Oleh kerana itu aktivis pluralisme agama menganggap kebenaran itu adalah satu namun jalan mencapai kebenaran itu bermacam-macam.¹²

Ide pluralisme agama sebenarnya sudah ada sejak masa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Musyrikin Makkah yang putus asa melihat da'wah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* mulai mengajak beliau untuk mengamalkan *pluralisme agama* iaitu dengan menyembah tuhan mereka setengah hari dan setengah hari lagi

menyembah Allah. Fahaman tersebut tidak dibenarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menurunkan surah al-Kafirun.

Menurut faham pluralisme agama, semua agama itu sama. Perbezaan agama hanya dari segi penamaan dan sisi luarnya sahaja. Sementara dari sisi dalamnya adalah sama semua. Tokoh-tokoh pendukung pluralisme menggambarkan agama dengan model Piramida, dimana kebenaran dan Tuhan berada di titik puncak, sementara agama-agama berada di bawahnya yang mengarah ke atas dengan peristilahan satu Tuhan dan banyak kebenaran. Untuk mencapai puncak Piramida tersebut tidak semestinya melalui satu jalan sahaja, tetapi umat manusia dalam mencapai Tuhannya dapat melalui berbagai jalan tetapi mereka memiliki tujuan yang satu dan inilah yang disebut dengan pluralisme agama.

Di Alam Melayu pemikiran pluralisme agama dikembangkan oleh Jaringan Islam Leberal (JIL)¹³ atau Islam Liberal (Islib), bahkan mereka menamakan diri sebagai pejuang toleransi. Tokoh-tokoh pluralisme agama tidak lagi menganggap al-Qur'an sebagai kitab hidayah tetapi justru mereka menamakannya sebagai kitab pluralisme dan multikulturalisme.¹⁴

Nurcholis Madjid sebagai tokoh sekulerisme dan sekularisasi di Indonesia juga turut mengembangkan faham pluralisme agama. Beliau menggambarkan pluralisme agama dalam bentuk roda. Pusat roda itu adalah Tuhan dan jari-jari roda tersebut adalah agama. Semua jari-jari roda tersebut menuju ke pusat roda dan seperti itulah manusia beragama menuju kepada Tuhan yang satu.¹⁵

Ahli Sunnah Waljama'ah yang selama ini dipegang teguh oleh masyarakat Alam Melayu menjadi objek penyebaran faham pluralisme agama. Para aktivis pluralisme agama yang tergabung dalam Jaringan Islam Liberal (JIL) berusaha mengutak atik kembali ajaran-ajaran Islam yang bersifat sakral. Pengharaman wanita muslimah berkahwin dengan laki-laki penganut agama lain oleh JIL justru dialu-alukan. Menurutnya semua agama itu sama, sehingga perkahwinan juga menjadi sah dengan agama manapun. Fahaman seperti ini memberikan kesan dengan mulainya perkahwinan antara agama, wanita muslimah berkahwin dengan Yahudi, wanita muslimah berkahwin dengan laki-laki Kristian.

4. Syi'ah

Cabaran semasa Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu adalah aliran Syi'ah. Syi'ah berusaha merusak citra sebahagian para sahabat Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, yang selama ini diyakini oleh Ahli Sunnah Waljama'ah sebagai para sahabat yang adil dan mendapat mengakuan dari Rasulullah sebagai *Radiyallahu Anhu*, (sahabat yang diridhai oleh Allah). Pemikiran tidak adilnya para sahabat oleh kelompok Syi'ah cukup berbahaya, sebab pemikiran tersebut akan memberikan kesan terhadap pengingkaran hadith-hadith Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, yang diriwayatkan oleh para sahabat Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Bahkan al-Qur'an yang dikumpulkan oleh para sahabat, oleh Syi'ah Rafidhah dianggap tidak sempurna dan sudah diselewengkan. Oleh kerana itu mereka menganggap akan datang Imam al-Mahdi turun ke dunia membawa al-Qur'an yang asli iaitu mushaf Fatimah.

Pemikiran-pemikiran semacam ini jelas sangat bercanggah dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah bahkan pemikiran seperti ini masuk dalam kategori persoalan yang sensitif kerana menyangkut esensi ugama Islam dan kebenarannya.

Ada beberapa fahaman Syi'ah yang secara asas sangat berbeza dengan apa yang difahami oleh Ahli Sunnah Waljama'ah, faham dan keyakinan tersebut sangat susah untuk dikompromikan kerana merupakan persoalan yang asasi dalam Islam. Di antara keyakinan Syi'ah yang bercanggah dengan kefahaman Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah adalah:

- a. Keyakinan mereka bahawa al-Quran yang ada di tangan kaum muslimin saat ini, tidak lagi asli. Menurut Syi'ah, al-Qur'an telah dirubah suai, atau dikurangi oleh para sahabat yang dipimpin oleh tiga sahabat mulia iaitu Abu Bakar, Umar, dan Utsman dan para sahabat lainnya -*radhiyallahu'anhum*-. Keyakinan ini jelas tidak dapat diterima oleh penganut faham Ahi Sunnah Waljama'ah kerana secara histori pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an melalui beberapa cara. Cara yang pertama adalah mengumpulkan naskah yang dimiliki oleh para sahabat Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Cara yang kedua adalah mengumpulkan para penghapal al-Qur'an baru kemudian disesuaikan dengan yang telah dikumpulkan oleh tim pengumpul ayat-ayat al-Qur'an yang dibentuk oleh khalifah Abu Bakar. Oleh kerana itu maka

secara teori keilmiahan mustahil terjadi penyimpangan dalam pengumpulan dan penulisan al-Qur'an apalagi kalau sampai dua pertiga yang hilang.

Al-Qur'an yang asli menurut Syi'ah adalah al-Qur'an yang tiga kali lebih besar dan sangat berbeza dibandingkan al-Qur'an yang ada di tangan kaum muslimin saat ini. Menurut mereka al-Qur'an yang asli ini nanti akan dibawa oleh Imam Mahdi dan dinamakan Mushaf Fathimah.

- b. Pengkafiran mutlak terhadap majoriti sahabat Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* kecuali beberap sahabat yang dianggap sebagai Ahlul Bait, maka Abu Bakar as-Shiddiq *radhiyallâhu'anhu*, Umar al-Fârûq *radhiyallâhu'anhu*, Utsman Dzunnurain *radhiyallahu'anhu* dianggap sebagai perampas hak kehalifahan Ali bin Abi Thalib ra.

Adapun langkah-langkah yang ditempuh Syi'ah dalam penyebaran fahamnya adalah sebagai berikut:

- a. Mengatasnamakan diri ahlul bait (keluarga) Nabi, oleh kerana itu, orang yang menentang Syi'ah selalu dituduh benci terhadap ahlul bait.
- b. Dalam penyebaran faham Syi'ah mereka menggunakan ayat-ayat al-Qur'an, tetapi meninggalkan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat. Ini dilakukan kerana hadith-hadith yang diriwayatkan dari sahabat jelas tidak diterima kerana dianggap munafiq dan kafir.
- c. Menyebarkan pemahaman bahawa Syi'ah adalah mazhab yang kelima selain empat mazhab yang mu'tabar dalam Islam. Perbezaan mereka adalah perbezaan *furu'iyah, ijtihadiyah*.
- d. Untuk menarik simpati para belia, mereka mempopulerkan jenis pernikahan mut'ah. Iaitu perkahwinan tanpa wali tanpa saksi kecuali dengan mahar pemberian dan ada ikatan perjanjian antara kedua pihak laki dan wanita.

Cabaran yang dihadapi Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu bukan sahaja yang empat ini tetapi masih banyak penyebaran faham-faham baru yang sangat bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljama'ah.

C. Kesimpulan

Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu perlu memikirkan langkah-langkah baru dalam mempertahankan dan melestarikan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu. Salah satunya adalah perlunya berkumpul para tokoh-tokoh Ahli Sunnah Waljama'ah di Alam Melayu membincangkan langkah-langkah strategik dalam menghadapi isu-isu dan cabaran-cabaran semasa Ahli Sunnah Waljama'ah. Langkah negara Brunei Darussalam mengasaskan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah (PPKASWJ) adalah suatu langkah awal yang sangat bernas. Pusat-pusat kajian semacam ini perlu di tiru oleh negara-negara serantau untuk melestarikan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

¹Hal yang sama juga terjadi ketika umat Islam melebarkan pengaruhnya ke Mesir, penganut agama Kristen Coptik yang ada di Mesir, --ketika itu dikuasai oleh Romawi yang beragama Kristen Katolik--, justru lebih simpatik dan condong pada orang-orang Islam yang datang membawa keadilan, bahkan mereka tidak dihalang-halangi oleh suku Coptik yang beragama Kristen Ortodox. Lihat Ahmad Mujāhid Mishbāh. (1990 M). *Tārikh al-Islām wa al-Hadārah*, Qaherah: Kulliyah Dirāsāt Islāmiyah wa al-‘Arabiyah al-Azhar), h. 138.

²Wahabi banyak berlindung di belakang mazhab Hanbali

³Hal itu dapat dilihat pada kekacauan yang terjadi di Iraq, Yaman, Lubnan bahkan perebutan pengaruh tersebut mulai terasa di Alam Melayu.

⁴Abdul Halim al-Jundi (1986M) *Muhammad ibn Abdul Wahhāb*, Cet. II; Qaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 98.

⁵Kerajaan Dar’iyyah adalah kerajaan kecil yang berada di pinggiran jazirah Arab, setelah perjanjian politik antara rajanya Muhammad bin Sa’ud dengan Muhammad bin Abdul Wahhab kerajaan tersebut mampu menaklukkan kerajaan-kerajaan yang berada di Jazirah Arab yang kemudian dirubah namanya menjadi kerajaan Arab Saudi.

⁶Lihat Helmi Mustafa. (2006 M). *Selamatkan Islam dari Muslim Puritan*, Cet. I; Jakarta: Serambi Ilmu Semesta, h. 108.

⁷Untuk lebih jelasnya lihat Muhammad Sayed Ramadan al-Būthi. (1998 M). *al-Salafiah Marhalah Zamaniyah Mubārah lā Mazhab al-Islāmiy*, Beirut: Dār al-Fikr al-Muashir, h. 236.

⁸Untuk lebih jelasnya lihat kritikan Muhammad al-Ghazali. (1989 M). *al-Sunnah al-Nabawiah Bayn Ahl al-Fiqh wa Ahl al-Hadīs*, Aqaherah: Dār al-Syurūq.

⁹Organisasi ini pertama kali didirikan pada tanggal 18 Juni 1988M dengan nama Yayasan Fathul Muin (YFM)berdasarkan akta notaris Abdullah Shalm SH No 20.

¹⁰Biasanya mereka hanya menjadi tukang sapu, kemudian menjadi muazin, meningkat menjadi imam dan menerapkan faham wahabiyyah dalam mesjid tersebut.

¹¹Yang dianggap sebagai agama-agama besar dunia diantaranya; Islam, Kristen, Yahudi, Budha, Hindu dan beberapa agama lain yang tidak sempat disebutkan.

¹²Ini adalah suatu kefahaman yang keliru sebab akidah, keyakinan serta keimanan dianggap betul jika ia mencapai derajat 100% keyakinan, keyakinan tersebut di dalamnya tidak terdapat lagi keragu-raguan. Keimanan, keyakinan seseorang dianggap rusak bahkan menjadi murtad manakala agama yang mereka pegang di imani hanya 75% atau di bawahnya.

¹³Yang mengherankan adalah Jaringan Islam Liberal tersebut justru dipelopori oleh angkatan muda NU yang mendapat restu dari Gusdur, padahal NU adalah salah satu organisasi yang dari awal meletakkan pondasi organisasi di atas asas Ahli Sunnah Waljama’ah. Keterlibatan angkatan muda NU dalam memelopori Islam liberal semakin menambah kaburnya pemahaman masyarakat seputar Ahli Sunnah Waljama’ah.

¹⁴Lihat: Zuhairi Misrawi. (2007 M). *Al-Quran Kitab Toleransi Inklusivisme, Pluralisme dan Multikulturalisme*, Cet. I; Jakarta: Fitrah, h. 177 dst.

¹⁵Nurcholis Madjid. (1999 M). *Tiga Agama satu Tuhan*, Bandung : Mizan, , m.s. xix.